

NO. SOALAN : 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL**  
**[PENDANG]**  
**TARIKH : 1.8.2017 (SELASA)**

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan mengapa Kementerian tidak menetapkan harga sesuatu barangan keperluan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan pasaran bebas, harga barangan ditentukan oleh faktor pasaran iaitu permintaan dan penawaran. Walaubagaimanapun, Kementerian hanya mengawal harga barangan keperluan utama seperti minyak petrol, diesel, gas cecair petroleum (LPG), minyak masak, gula pasir, tepung gandum (kegunaan am) dan beberapa barangan lain bagi memastikan barang-barang keperluan utama dijual pada harga yang tidak membebbankan pengguna. Kawalan harga ini dibuat menggunakan peruntukan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 serta perundangan lain.

Selain itu, Kementerian juga turut melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan bagi mengawal harga barangan keperluan utama sesuatu perayaan. **Semasa musim perayaan, beberapa jenis barangan keperluan yang mendapat permintaan tinggi akan dijadikan barangan harga terkawal bagi musim perayaan tersebut. Kawalan harga barangan ini dibuat di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit bagi suatu tempoh tertentu. Kawalan harga ini merupakan usaha dan langkah untuk menstabilkan harga barangan keperluan terutamanya semasa rakyat menyambut musim perayaan.**

Selain dari tempoh masa Skim Kawalan Harga Musim Perayaan, Kementerian turut menjalankan pemantauan dan pemeriksaan dari masa ke semasa bagi memastikan harga barangan tidak meningkat naik secara keterlaluan.